

Muzakarah Umno-Pas tidak mampu selesai masalah umat Islam

BH 19 MAY 2000

KOTA BHARU, Khàmis - Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) berpendapat muzakarah di antara Umno dan Pas tidak mampu menyelesaikan masalah perpecahan di kalangan umat Islam negara ini, jika tidak melibatkan semua pihak.

Ini kerana, muzakarah yang hanya disertai dua parti politik yang berlawanan tidak akan dapat menegakkan kebenaran yang hakiki.

Presiden Abim, Ahmad Azam Abdul Rahman berkata, usaha menangani masalah perpecahan di kalangan umat Islam tidak hanya menjadi tanggungjawab kedua-dua parti politik terbabit.

Malah, katanya, ia menjadi tanggungjawab semua pihak, termasuk kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu.

"Masalah perpecahan hanya boleh diatasi jika semua pihak berusaha bersungguh-sungguh menyelesaikannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Muktamar Ke-27 Sanawi Abim Kelantan, di Rumah Puteri Harapan Taman Sabariah, Ja-

Masalah perpaduan ummah tanggungjawab bersama

Ian Pengkalan Chepa dekat sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas pelawaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk bermuzakarah dengan Pas jika parti itu sanggup menerima keputusan dan tidak bercakap bohong.

Dalam kenyataannya ketika menggulung perbincangan ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung Umno minggu lalu, Presiden Umno itu bagaimanapun berkata, Pas perlu berfikiran terbuka dan bersedia menerima syarat itu.

Oleh itu, Ahmad Azam berkata, semua pihak tidak seharusnya menuding jari menyalahkan pihak lain apabila sesuatu perpecahan dalam masyarakat itu berlaku.

"Masalah perpecahan bukan

hak yang dimonopoli oleh sesebuah parti politik.

"Kita melihat masalah perpaduan dan kesatuan ummah tanggungjawab bersama, termasuk badan dakwah, parti politik dan pertubuhan pelajar," katanya.

Menurutnya, Abim bersedia memberi sebarang bentuk sumbangan dalam usaha ke arah menyatupadukan umat Islam negara ini.

"Pendekatan yang kita gunakan ialah ilmu untuk menyelesaikan segala masalah kehidupan manusia dari segi politik, ekonomi dan sosial," katanya.

Dalam perkembangan lain, Abim akan menganjurkan seminar tokoh pemikir Islam, Almarhum Buya Hamka di Kuala Lumpur, Julai ini, bagi menimba ilmu pemikir agung Indonesia itu.

Seminar itu adalah susulan daripada seminar pertama 'Sayyid Abul Hasan An-Nadwi (An-Nadwi)' di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sementara itu, Muktamar Abim Kebangsaan Ke-29 akan diadakan di Kuala Lumpur pada 31 Ogos ini.